

29/05/2002

Penamaan calon: Pemuda, Wanita MCA langgar arahan

KUALA LUMPUR, Selasa - Penamaan calon bagi pergerakan Pemuda dan Wanita MCA negeri menyaksikan arahan pucuk pimpinan supaya tiada pertandingan tidak dipatuhi oleh pemimpin dan akar umbi parti itu.

Penamaan calon yang diadakan pada jam 4 hingga 8 malam tadi menyaksikan hampir semua negeri menghadapi pertandingan kecuali Kedah.

Di Negeri Sembilan, semua jawatan menghadapi pertandingan kecuali jawatan timbalan setiausaha, bendahari dan juruaudit.

Jawatan Ketua Pemuda negeri dicabar tiga calon iaitu Tang Thien Ming (Setiausaha Sulit Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat), Loh Seng Kok (Setiausaha Politik Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik) dan Mah Ann Ann (Setiausaha Sulit Timbalan Pengerusi negeri, Datuk Dr Yeow Chai Thiam).

Tang berkata, suasana pencalonan lancar dan semua pihak bersetuju membenarkan parti termasuk Jawatankuasa Pemandu Pemilihan Parti memutuskan tindakan lanjut.

Di Wilayah Persekutuan, semua jawatan menghadapi cabaran. Antaranya jawatan Ketua Pemuda mendapat empat pencalonan iaitu bekas Setiausaha Pengelola sayap itu, Hang Chin Pheng, ahli Jawatankuasa Pusat Pemuda MCA, Poh Kian Kok, Yee Poh Ping dan Lim Chow Hoe.

Di Selangor, Naib Ketua Pemuda negeri, Datuk Liew Yuen Keong menghadapi persaingan tiga penjuror menentang Ketua Pemuda Hulu Selangor, Wong Koon Mun dan calon lain Chia Bak Long.

Pergerakan Wanita juga menghadapi pertandingan tiga penjuror untuk jawatan Naib Ketua iaitu Ketua Wanita Ampang Jaya, Marie Loh, Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Chew Mei Fun dan Timbalan Ketua Wanita Kuala Selangor, Tan Poh Choo.

Pada 13 Mei lalu, MCA membatalkan semua pencalonan bagi mencabar penyandang jawatan peringkat bahagian yang dibuat pada 10 Mei selaras pelan damai yang dipersetujui parti itu.

Pada 2 Mei, Jawatankuasa Pusat (CC) MCA memutuskan pemimpin Pemuda parti melebihi umur 45 tahun harus melepaskan jawatan. Berikutan itu, lapan daripada 13 Ketua Pemuda MCA negeri terpaksa melepaskan jawatan.

Pada 23 April lalu, dua kumpulan bertelagah dalam MCA bersetuju mengekalkan kepemimpinan sedia ada, termasuk pada peringkat bahagian, negeri dan pusat sehingga 2005.

Kesepakatan itu dicapai bagi menyokong agenda kedamaian dan kestabilan yang dicadangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mengakhiri kemelut kepemimpinan MCA yang berlarutan sejak lebih dua tahun lalu.

Di Pulau Pinang, penyandang Timbalan Ketua Pemuda negeri, Ooi Chuan Aik dicabar Setiausaha Pengelola Pemuda, Tan Yoke Cheng bagi jawatan ketua pemuda negeri.

Di Perak, empat jawatan dicabar iaitu ketua pemuda, naib ketua pemuda, setiausaha dan timbalannya serta perwakilan pusat.

Antaranya Naib Ketua Pemuda MCA, Tan Chin Meng dicabar Low Kim Piau bagi jawatan Ketua Pemuda dan naib ketua pemuda mendapat enam pencalonan.

Penyandang Ketua Pemuda MCA Melaka, Datuk Soon Tian Szu dicabar Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ayer Panas, Chong Tam Onn.

Di Johor, jawatan ketua pemuda negeri mendapat tiga pencalonan, iaitu Tay Kim Seng, Ooi Kah Siong dan Chu Chaw Seng.

Di Kangar, Tan Kok Kheng melawan penyandang timbalan ketua pemuda

negeri, Chai Tian Hee, manakala Chin Wai Sun ditentang Lua Han Koon untuk jawatan ketua pemuda Terengganu.

Di Pahang, Ahli Parlimen Bentong, Liow Tiong Lai dicabar Goh Say Joo.

(END)